

Tuan Zahid Ismail,
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia,
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya, Selangor.

28 June 2024

Tuan

NOTIS PELETAKAN JAWATAN PENOLONG PENGURUS E41

Perkara di atas adalah dirujuk,


2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, saya Aizat Aqil Misro meletakkan jawatan sebagai Penolong Pengurus E41 (Kontrak) di Perbadanan Produktiviti Malaysia berkuat kuasa **1 Ogos 2024**.

3. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak terutama Pengurusan MPC, Pengarah MMT, Seksyen NCS, Penyelia PPN dan di atas kepercayaan kepada saya dalam menggalas tanggungjawab membantu Nexus Produktiviti Farmaseutikal. Pengalaman selama 3 tahun di MPC telah banyak mengajar saya dan memberi pendedahan kepada saya dalam mengurus inisiatif kerajaan bagi meningkatkan produktiviti negara.

4. Di dalam tempoh peletakan jawatan saya ini, saya akan memastikan segala tugas yang tertanggung akan diselesaikan. Selain itu, saya juga akan memastikan proses serahan tugas akan dilaksanakan sebaiknya kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan. Saya menghargai bantuan dan sokongan yang saya terima selama saya berkhidmat dan saya berharap MPC akan terus berjaya di masa hadapan. Saya berharap saya akan dapat bekerjasama lagi pada masa akan datang bersama pihak MPC.

5. Sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas semua peluang dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh saya berkhidmat di sini. Terima kasih.

Sekian



Aizat Aqil Misro
Penolong Pengurus
Nexus Produktiviti Farmaseutikal
Seksyen Pengurusan Moden dan Teknologi